

28 MAR 1998

UMNO TEGAS DALAM MENJAGA IMEJ PARTI

SUNGAI PETANI, 28 Mac (Bernama) -- Umno tidak teragak-agak menyingkirkan pemimpin dan anggotanya yang didapati melakukan perbuatan yang boleh merosakkan nama parti, kata Naib Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, hari ini.

Beliau berkata rekod Umno selama ini menunjukkan bahawa parti itu pernah menyingkirkan pemimpin di peringkat tinggi kerana rasuah dan melanggar disiplin parti.

"Umno terbukti dengan tindakan tegas di semua peringkat bagi menjaga nama baik parti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Merbok, di sini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Umno akan kalah pada pilihan raya umum jika rakyat yang bukan anggota parti itu memandang jijik dan kotor terhadap imej Umno.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata sudah ada orang yang mula benci serta memandang jijik terhadap parti itu dan pemimpinnya kerana terlalu ghairah merebut jawatan parti dengan melakukan rasuah.

Abdullah yang juga Menteri Luar berkata amalan tidak bermoral seperti rasuah, politik wang dan pergaduhan dalam merebut jawatan parti sememangnya akan merosakkan imej Umno dan menyebabkan pihak di luar Umno memandang negatif terhadap parti itu. -- BERNAMA

MZM WAT